

**AMALAN PENGGUNAAN *LUGHAT AL-FASL* DALAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN BAHASA ARAB DI SEKOLAH AGAMA BANTUAN KERAJAAN DI MALAYSIA**

<sup>1</sup>Yaakob Hasan, <sup>2</sup>Mohd Ziyad Mukhtar, <sup>1</sup>Md Noor Hussin, <sup>1</sup>Idi Hamdi & <sup>2</sup>Mohd Reduan  
yaakob@kuis.edu.my, mziyadmukhtar@yahoo.com, mdnoor@kuis.edu.my,  
idi.hamdi@kuis.edu.my, mrzkh71@gmail.com

<sup>1</sup>Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, KUIS  
<sup>2</sup>Institut Pendidikan Guru Kampus Pendidikan Islam

**ABSTRAK**

Keberkesanan pengajaran Bahasa Arab di sekolah adalah bergantung kepada keupayaan dan peranan guru Bahasa Arab dalam bilik darjah untuk mencapai matlamat dan objektif kurikulum yang telah digubal. Siti Ikbal dalam hal ini berpandangan objektif tersebut sukar untuk dicapai kerana tahap penguasaan guru yang rendah dan penggunaan teknik terjemahan ke dalam Bahasa Melayu. Mohd. Ziyad dan Saini dalam kajiannya menegaskan penggunaan *lughat al-fasl* adalah teknik yang penting dikuasai guru dan pelajar untuk mempertingkatkan kemahiran dan tahap Bahasa Arab. Objektif kajian ini adalah untuk menilai tahap amalan guru menggunakan *lughat al-fasl* dalam pengajaran Bahasa Arab di sekolah agama bantuan kerajaan (SABK). Kajian ini menggunakan pendekatan campuran antara kualitatif dan kuantitatif menerusi soal selidik, pemerhatian dan temu bual. Jangkaan hasil kajian akan mengenalpasti tahap kualiti pengajaran dan pemudahcaraan (PDPc) Bahasa Arab di sekolah menengah dengan menggunakan *lughat al-fasl*.

**Kata kunci:** *lughat al-fasl*; sekolah agama bantuan kerajaan; pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab.

## 1.0 PENGENALAN

Keberkesanan pengajaran bahasa Arab di sekolah adalah bergantung kepada keupayaan dan peranan guru bahasa Arab dalam bilik darjah untuk mencapai matlamat dan objektif kurikulum bahasa Arab yang telah digubal. Walau bagaimanapun, tahap penguasaan bahasa Arab dalam pengajaran guru masih berada pada tahap yang rendah kerana guru tidak menggunakan bahasa Arab sepenuhnya ketika mengajar bahasa Arab malah menggunakan teknik terjemahan ke dalam bahasa Melayu (Siti Akbal, 2006). Kelemahan ini turut memberi kesan terhadap penguasaan bahasa Arab pelajar terutama dari segi kemahiran mendengar dan bertutur sehingga ada pelajar yang tidak memahami arahan guru dalam kelas. *Lughat al-fasl* (لغة الفصل) bermaksud bahasa kendalian kelas yang digunakan dalam kelas yang bertujuan untuk mengawal dan memimpin proses pengajaran dan pembelajaran supaya berjalan dengan lancar dan kondusif. Dalam hal ini juga, Mohd. Ziyad dan Saini (2017) dalam kajiannya menegaskan penggunaan *lughat al-fasl* adalah teknik yang penting dikuasai guru dan pelajar untuk mempertingkatkan kemahiran dan tahap Bahasa Arab. Oleh itu, kajian ini dilaksanakan bertujuan untuk menilai tahap amalan guru menggunakan bahasa Arab ketika mengajar dan mengkaji amalan penggunaan *lughat al-fasl* semasa pengajaran bahasa Arab di sekolah agama bantuan kerajaan (SABK) di Malaysia. Dapatan daripada kajian ini boleh digunakan untuk menambahbaik kualiti pengajaran dan pembelajaran (PdP) guru-guru bahasa Arab melalui penggunaan *lughat al-fasl*.

## 2.0 METODOLOGI

Kajian ini menggabungkan antara metode kualitatif dan kuantitatif (*mixed method*) dengan mengaplikasikan kajian kepustakaan, soal selidik, pemerhatian dan temu bual. Kaedah kuantitatif dijalankan bagi menilai tahap kesediaan guru bahasa Arab dalam kalangan guru SABK dalam PdP bahasa Arab. Kaedah ini digunakan bagi mengumpul data yang diperlukan menerusi borang soal selidik yang melibatkan saiz sampel yang besar iaitu 150 orang daripada 444 orang guru SABK di seluruh Malaysia. Sampel kajian terdiri daripada guru-guru SABK seluruh Malaysia kecuali Sabah dan Sarawak. Pemilihan sampel dibuat berdasarkan persampelan rawak berdasarkan zon. Data yang dikumpulkan akan ditadbir menggunakan SPSS. Dapatan akan dihurai secara deskriptif

bagi menghuraikan tahap kesediaan guru terhadap pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab secara keseluruhannya.

Metode kualitatif dijalankan melalui tiga kaedah iaitu kajian kepustakaan, pemerhatian dan temu bual. Kajian kepustakaan dijalankan menerusi kumpulan data di perpustakaan dan laman web terhadap bahan berbentuk buku, bab dalam buku, jurnal, prosiding dan tesis terhadap konsep *lughat al-fasl*, metode *lughat al-fasl*, aplikasi *lughat al-fasl* dan PdP bahasa Arab. Kaedah pemerhatian dan temu bual digunakan untuk mendapatkan data yang lebih mendalam dan terperinci mengenai amalan *lughat al-fasl* dalam kalangan guru ketika proses PdP berlangsung. Berdasarkan kepada gabungan data daripada kesemua instrumen yang digunakan, kajian ini akan menilai dan mengenalpasti tahap pemahaman serta amalan penggunaan *lughat al-fasl* dalam PdP bahasa Arab di SABK. Hasil kajian ini juga akan merangka cadangan penambahbaikan yang boleh digunakan untuk meningkatkan penguasaan *lughat al-fasl* dalam kalangan guru SABK dalam memmanifestasikan Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

### **3.0 TINJAUAN LITERATUR**

Penggunaan *lughat al-fasl* dalam pendidikan merupakan antara langkah boleh diambil untuk memastikan proses PdP berjalan dengan lancar. Proses komunikasi merupakan kunci yang menghubungkan antara dua pihak iaitu antara penyampai dan penerima. Dalam perkembangan tamadun manusia, proses ini ialah satu bentuk sosialisasi masyarakat dalam peradaban manusia dan merupakan satu kesinambungan tamadun (Ma'tuk, 1996). Oleh yang demikian, dalam hal ini, Jefridin (2010) menegaskan kebijaksanaan penyampai dan penerima merupakan kunci utama dalam komunikasi dalam memberikan maklum balas sama ada dalam bentuk lisan atau bukan lisan. Dalam konteks ini, guru sebagai penyampai hendaklah menggunakan pendekatan yang sesuai, cekap, bijaksana dan optimis dalam menghadapi setiap pelajar mereka yang akan datang kepada mereka dengan reaksi yang pelbagai.

Rosni (2007) dalam membincangkan hal ini menyatakan interaksi dua hala yang berlaku antara guru dan pelajar akan membentuk sikap dan meningkatkan kemahiran insaniah mereka. Hal ini kerana ramai pelajar yang ingin mempelajari dan berkomunikasi dalam bahasa Arab namun kekurangan kosa kata dan tidak mengetahui apa yang perlu diucapkan menyebabkan

mereka tidak mengambil bahagian dalam proses PdP bahasa Arab. Maka, *lughat al-fasl* berfungsi sebagai agen perubahan dalam kelas untuk membantu pelajar dalam mengatasi masalah komunikasi bahasa Arab disamping meningkatkan kemahiran mendengar dan bertutur.

Aminuddin (2014) dalam kajiannya terhadap guru j-QAF di IPG Kampus Ilmu Khas mendapati terdapat guru yang tidak dapat berkomunikasi dengan baik lantaran tidak menguasai *lughat al-fasl*. Hal ini mengganggu proses PdP berjalan dengan lancar disamping menyebabkan pelajar semakin tidak meminati bahasa Arab kerana sukar memahami metapelajaran tersebut. Kajian ini membuktikan *lughat al-fasl* merupakan kunci untuk memastikan PdP bahasa Arab berjalan dengan lancar dan memastikan pelajar kekal fokus dalam proses PdP.

Kajian Mohd Ziyad dan Saini (2015) terhadap amalan *lughat al-fasl* dalam kalangan guru pelatih DPLI j-QAF di IPG mendapati mereka mempunyai kesedaran dan persediaan yang tinggi untuk mengaplikasikan *lughat al-fasl* dalam proses PdP. Penggunaan *lughat al-fasl* secara kerap dan berkesan melalui ungkapan-ungkapan mudah dalam proses PdP menghidupkan suasana pembelajaran yang kondusif dan interaktif. Dengan cara ini, mereka juga mampu untuk menyampaikan isi kandungan pembelajaran melalui ungkapan dan ayat mudah dalam *lughat al-fasl*. Perkara ini turut dibantu oleh pensyarah yang sentiasa membimbing mereka untuk meningkatkan kemahiran *lughat al-fasl*, khususnya dalam aspek kawalan kelas.

Mior Syazril (2015) dalam kajian beliau untuk melihat aplikasi *lughat al-fasl* di sekolah rendah mendapati terdapat enam jenis *lughat al-fasl* yang sering digunakan oleh guru ketika proses PdP berlangsung. Dengan kaedah ini, guru dilihat mampu untuk berinteraksi dengan baik dan pelajar memberikan maklum balas yang responsive dengan penggunaan *lughat al-fasl*. Hal ini juga secara tidak langsung melatih pelajar untuk berjinak-jinak dengan ungkapan mudah berbahasa Arab sejak di peringkat sekolah rendah yang akan membantu mereka pada masa akan datang.

Izudin (2015) dalam kajiannya untuk melihat keberkesanan penggunaan *lughat al-fasl* dalam PdP bahasa Arab berpandangan penguasaan *lughat al-fasl* akan membantu guru untuk berkomunikasi dengan pelajar melalui perkataan dan ungkapan yang sesuai. Hasil kajian beliau mendapati pendekatan ini memberikan ruang yang secukupnya kepada pelajar untuk mengasah kemahiran mendengar dan bertutur mereka.

Mohd. Ziyad dan Saini (2017) dalam kajian mereka yang lain menyatakan aplikasi *lughat al-fasl* secara ekspresif dan berkesan adalah kaedah yang baik dalam mewujudkan persekitaran komunikasi. Hasil kajian mereka juga menunjukkan terdapat tujuh jenis *lughat al-fasl* yang sering digunakan oleh guru iaitu ucapan salam dan selamat, ungkapan mudah harian, pujian dan peneguhan, arahan dan suruhan, larangan, penyoalan dan ungkapan serta membetulkan kesilapan. Kajian ini juga mendapati terdapat empat halangan yang dihadapi oleh guru dalam mengaplikasikan *lughat al-fasl* iaitu personaliti guru, sikap guru, kelayakan guru dan persekitaran.

Aisah et al. (2017) dalam kajian mereka *Amalan Strategi Pemahaman Kosa Kata Bahasa Arab berasaskan Konteks Penggunaan dalam Pengajaran Guru Cemerlang Bahasa Arab* mendapati dalam konteks PdP di dalam kelas, penggunaan kosa kata di bilik darjah dapat dicapai dengan penggunaan *lughat al-fasl*. Walau bagaimanapun, untuk penggunaan di luar bilik darjah, guru perlu mengubahsuai penggunaan *lughat al-fasl* agar ia bersesuaian dengan situasi di luar bilik darjah.

Pembangunan PdP bahasa Arab di SABK juga semakin meningkat dengan perkembangan teknologi moden yang lebih interaktif terhadap pelajar. Walau bagaimanapun, peranan dan kemahiran bahasa guru juga perlu berada di tahap yang tinggi untuk memastikan sesi PdP berjalan dengan lancar. Maimun (2014) dalam kajiannya terhadap pelaksanaan PdP bahasa Arab dalam kurikulum bu'uth di SABK menyatakan disamping penggunaan bahan bantu mengajar (BBM), penggunaan teknik mengajar yang betul amat penting untuk memastikan pelajar mampu untuk memahami dan menyerap hasil pembelajaran bahasa Arab. Perkara ini sangat penting untuk ditekankan lebih-lebih lagi di SABK kerana selain kurikulum asas PT3 dan SPM, pelajar-pelajar juga akan menghadapi peperiksaan Sijil Menengah Agama/Ugama (SMA/SMU) dan Sijil Tinggi Agama Malaysia yang memerlukan kepada penguasaan bahasa Arab yang tinggi. Kedua-dua peperiksaan tersebut juga akan dijalankan dalam bahasa Arab secara penuh. Oleh yang demikian, selain memahami pembelajaran, pelajar juga dikehendaki untuk meningkatkan kemahiran mereka dalam bahasa Arab sama ada dalam percakapan mahupun penulisan.

## 4.0 HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN

### 4.1 Konsep *Lughat al-Fasl*

*Lughat al-Fasl* secara umumnya dapat difahami sebagai penggunaan istilah dan ungkapan pendek yang ringkas serta mudah yang digunakan di dalam kelas. Kebiasaannya, istilah dan ungkapan yang digunakan terdiri daripada tiga jenis iaitu ayat perintah dan suruhan, ayat larangan serta kata penegasan positif (Firdaus & Aminuddin 2014). *Lughat al-Fasl* merupakan gabungan daripada dua perkataan berbentuk *idafat* iaitu *lughat* (لغة) yang bermaksud bahasa dan *al-fasl* (الفصل) yang bermaksud kelas. Dengan gabungan keduanya, ia dapat diterjemahkan sebagai bahasa kelas atau bahasa pengendalian kelas (Muhammad Azhar, 2007).

Keberadaan *lughat al-fasl* dalam institusi pendidikan bukanlah perkara baru pada masa kini. Ia telah diaplikasikan dan diamalkan di seluruh dunia sebagai antara kaedah yang digunakan untuk melancarkan proses PdP. Louwrese (2001) dalam hal ini menyatakan *lughat al-fasl* atau *classroom language* ialah koleksi frasa yang digunakan antara guru dengan pelajar dalam berkomunikasi. Penggunaannya adalah daripada perkara yang paling asas seperti, “*Boleh saya pergi ke bilik air?*” hinggalah kepada penggunaan secara menyeluruh dalam sesi PdP seperti “*Buka buku anda halaman 15*”.

Marzano et al. (2001) dalam hal ini pula lebih cenderung untuk mendefinisikan *lughat al-fasl* sebagai bahasa yang difahami dalam kelas. Dalam konteks ini, Marzano et al. berpendapat *lughat al-fasl* tidak hanya terhad kepada beberapa istilah mahupun ungkapan. Ia bersifat menyeluruh dengan berpendirian apa-apa bentuk perkataan mahupun ayat yang dapat digunakan secara berkesan dalam perjalanan sesuatu kelas PdP. Eltingari (2009) pula menyatakan *lughat al-fasl* ialah interaksi verbal antara guru dan pelajar dalam sesebuah kelas untuk mencapai matlamat pendidikan.

Institut Pendidikan Guru Malaysia (2013) dalam mentakrifkan *lughat al-fasl* kepada tiga bahagian iaitu (1) perkataan atau ungkapan yang digunakan guru setiap hari dalam bilik darjah; (2) perkataan atau ungkapan yang biasa dan berkesan penggunaannya; (3) perkataan atau ungkapan yang mudah dan diterima penggunaannya serta difahami dalam kalangan pelajar. Oleh yang demikian, secara umumnya, *lughat*

*al-fasl* dapat difahami sebagai perkataan atau ungkapan mudah, ringkas dan mudah difahami yang digunakan oleh guru dalam berinteraksi dengan pelajar.

#### 4.2 Jenis-jenis *Lughat al-Fasl*

Sebagaimana dinyatakan Mohd Ziyad dan Saini (2017), *lughat al-fasl* dapat dibahagikan kepada tujuh bahagian. Pertama ialah ucapan salam dan selamat seperti *السلام عليك*, *صباح الخير*, *أهلا وسهلا* dan *كيف حالك*. Ungkapan ini bertujuan untuk melatih pelajar dalam membiasakan diri dengan istilah-istilah sapaan yang tidak hanya digunakan di dalam kelas bahkan dalam kehidupan seharian. Ia dianggap sebagai pembuka bicara dan merupakan antara asas untuk memulakan sesebuah komunikasi.

Kedua ialah ungkapan mudah harian seperti *من ما هو تاريخ هذا اليوم*, *ما اسم هذا اليوم*, *هل أنتم مستعدون* dan *رئيس الفصل*. Dalam jenis kedua ini, ia merupakan kesinambungan daripada jenis yang pertama iaitu selepas daripada sapaan. Ketiga ialah pujian dan penegasan seperti *أحسننت* dan *أحبكم يا أولادي*, *أنت طالب مجتهد*, *ممتاز*, *أنت رائع*. Ungkapan-ungkapan ini bertujuan untuk memotivasikan pelajar apabila mereka berjaya menjalankan tugas dengan baik atau menjawab sesuatu soalan yang betul. Memberikan kata pujian juga secara tidak langsung mampu meningkatkan keyakinan pelajar untuk lebih banyak berbicara dalam bahasa Arab.

Keempat ialah arahan dan suruhan seperti *افتح الكتاب* dan *امسح سبورة*, *قم*, *أقعد*. Kelima ialah larangan seperti *لا تجر* dan *لا تتكلم في الفصل*, *لا تنم*, *لا تنس*. Kedua pembahagian ini adalah untuk membiasakan pelajar dengan bentuk arahan ringkas yang digunakan dalam kehidupan seharian. Secara tidak langsung, ia mewujudkan suasana dan persekitaran bahasa Arab yang penting untuk perkembangan kemahiran bahasa pelajar.

Keenam, penyoalan dan ungkapan seperti *من يعرف الإجابة*, *إسمي...*, *ما أسمك* dan *أنا لا أوافقك* dan *إجابتك صحيحة*. Ketujuh pula ialah membetulkan kesilapan seperti *أنا لا أوافقك* dan *إجابتك صحيحة*. Jenis-jenis *lughat al-fasl* ini bertujuan untuk membezakan penggunaan bahasa Arab dalam kelas dan kehidupan seharian. Dengan latihan yang diberikan, pelajar-pelajar akan mula membiasakan diri dengan persekitaran dan suasana berbahasa Arab dan sekaligus mendorong mereka untuk berkomunikasi dalam bahasa Arab. Perkara ini juga akan meningkatkan kemahiran mereka dalam bahasa Arab. Dengan berpandukan

kepada tahap pelajar, guru hendaklah menggunakan *lughat al-fasl* yang bersesuaian. Pada peringkat awal, penggunaan istilah dan ungkapan ringkas diperlukan untuk memupuk minat pelajar untuk berbicara dalam bahasa Arab. Dengan peredaran masa dan kemahiran pelajar yang semakin meningkat, guru boleh menggunakan istilah dan ungkapan yang lebih kompleks.

### 4.3 Faedah dan Kepentingan *Lughat al-Fasl*

Sebagaimana difahami, *lughat al-fasl* berperanan sebagai pemula dan batu loncatan untuk memupuk minat pelajar untuk berkomunikasi dalam bahasa Arab. Perkara ini amat penting kerana dengan ungkapan yang mudah dan ringkas, pelajar akan lebih bermotivasi untuk melibatkan diri kerana *lughat al-fasl* lebih tertumpu kepada istilah dan ungkapan yang pendek dan mudah untuk difahami. Ia juga akan melatih pelajar dan guru untuk lebih fasih bertutur dalam bahasa Arab (Aminuddin, 2014). *Lughat al-Fasl* juga dianggap mampu untuk mempromosikan bahasa sasaran sebagai bahasa komunikasi sebenar. Ia juga akan melibatkan pelajar secara langsung dalam proses PdP dan menjadi satu bahasa yang aktif dalam tentang kemahiran belajar (Louwerse, 2001).

Dalam proses PdP, kefahaman terhadap isi kandungan mata pelajaran merupakan intipati kepada pembelajaran. Oleh yang demikian, guru dikehendaki untuk menerangkan kandungan pelajaran kepada pelajar sehingga mereka mampu untuk memahami perkara tersebut. Dalam masa yang sama, pelajar juga hendaklah menumpukan perhatian dan menghayati proses PdP yang berlangsung. Ketika ini, *lughat al-fasl* sebagai istilah dan ungkapan yang akan sentiasa berlegar dalam proses PdP akan didedahkan secara langsung kepada pelajar. Dengan pengulangan yang berlaku, pelajar akan mula mengingat dan memahami kaedah penggunaan *lughat al-fasl* sebagaimana yang ditunjukkan oleh guru mereka (Izuddin, 2015).

Penggunaan *lughat al-fasl* juga secara tidak langsung akan mengubah landskap PdP yang kebiasaannya hanya berpusatkan kepada guru. Dengan kaedah ini, interaksi dua hala lebih mudah berlaku dan para pelajar akan mengambil bahagian dalam proses PdP. Oleh yang demikian, proses PdP tidak lagi akan memfokuskan kepada guru semata-mata dan kaedah ini akan membina keyakinan pelajar untuk meneroka PdP secara sendiri. Pelajar juga boleh mencelah dan terlibat secara aktif dalam proses PdP.



Walau bagaimanapun, ia tidak memansuhkan tugas guru untuk mendidik kerana guru masih diperlukan dalam proses PdP kerana tanpa guru tidak akan wujud proses PdP (Mohd Ziyad & Saini, 2017).

## **5.0 KESIMPULAN**

*Lughat al-fasl* merupakan antara kaedah yang berkesan dalam memupuk semangat dan minat pelajar untuk berkomunikasi dalam bahasa Arab. Perkara ini secara tidak langsung akan meningkatkan kemahiran mereka dalam bahasa Arab. Namun demikian, kajian ini masih dalam peringkat pertengahan kerana menghadapi masalah daripada pihak Kementerian Pendidikan Malaysia khususnya dalam aspek kelulusan untuk menjalankan kajian di sekolah-sekolah. Kini, semua urusan permohonan kajian lapangan di sekolah memerlukan kepada pengkaji untuk membuat permohonan menerusi Educational Research Application System 2.0. Sistem ini kini menghadapi beberapa masalah teknikal dan menyebabkan pengkaji dikehendaki untuk membuat permohonan baru dalam sistem tersebut.

## **PENGHARGAAN**

Kajian ini ditaja oleh Geran Penyelidikan dan Inovasi KUIS (2017/P/GPIK/GPM-007), Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor.

## RUJUKAN

- Eltingari, Salih Mahgoub Mohamed. (2009). al-Suluk al-lughawi li mu'allim al-lughah al-thaniyah dakhil al-fasl. *al-Majallah al-'Arabiyyah li al-Dirasat al-Lughawiyyah*, 61, 69-89.
- Maimun Aqsha Lubis, Zaffi Alias & Hanis Najwa Shahrudin. (2014). Pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab dalam kurikulum bu'uth al-Azhar di Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK). *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 39(1), 51-61.
- Izuddin Muhammed. (2015). Meningkatkan proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab dalam bilik darjah melalui penggunaan lughat al-fasl: Satu tinjauan awal. *Prosiding Persidangan Kebangsaan Bahasa Arab (NCAL2015)*, 1-8.
- Ma'tuk, Ahmad Muhammed. (1996). *al-Hasilat al-Lughawiyyat*. Kuwait: al-Majlis al-Watani li al-Thaqafah wa al-Funun wa al-Adab.
- Jefferdin Pilus. (2010). Maklum balas guru terhadap respons pelajar semasa pengajaran bahasa Arab tinggi: Satu kajian. Tesis Dok. Fal. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Rosni Samah. (2007). Penggunaan internet dalam pengajaran bahasa: Kajian terhadap bahasa Arab komunikasi pelancongan. *Malaysian Education Dean's Council Journal*, 1(2), 83-95.
- Mohamad Ziyad & Saini Ag. Damit. (2015). Amalan penggunaan *Lughat al-Fasl* dalam kalangan guru bahasa Arab. *Prosiding Persidangan Kebangsaan Bahasa Arab (NCAL2015)*, 297-305.
- Mior Syazril Mohamed Sapawi. (2015). Amalan penggunaan *Lughatul-Fasli* dalam pengajaran jurulatih utama bahasa Arab Sekolah Rendah. Kertas Projek. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Aisah Hasmam, Nik Mohd Rahimi Nik Yusuf, Maimun Aqsha Lubis & Aisyah Sjahrony. (2017). Amalan strategi pemahaman makna kosa kata bahasa Arab berasaskan konteks penggunaan dalam pengajaran guru cemerlang bahasa Arab. *ASEAN Comparative Education Research Journal on Islam and Civilization*, 1(2), 53-66.
- Firdaus Abdul Fatah & Mohd Aminuddin Ab. Rahaman. (2014). Tahap penggunaan *lughatul fasl* semasa dalam kalangan guru pelatih j-QAF opsyen bahasa Arab. *Prosiding Seminar Penyelidikan Pendidikan Zon Tengah*.
- Muhammad Azhar Zailani. (2007). Aktiviti komunikatif dalam pengajaran bahasa Arab sekolah menengah. Tesis Dok. Fal. Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya.
- Louwerse, Michelle. (2001). ELT News.com. The website for English teaching at Japan, [http://www.eltnews.com/features/kids\\_world/2001/06/encouraging\\_classroom\\_language.html](http://www.eltnews.com/features/kids_world/2001/06/encouraging_classroom_language.html). 1 Julai 2018.
- Marzano, R. J., Pickering, D., & Pollock, J. E. (2001). *Classroom Instruction that Works: Research-Based Strategies for Increasing Student Achievement*. t.pt.: t.pt.